



KENYATAAN MEDIA

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

KERAJAAN MADANI TERUS MAJU BERSAMA RAKYAT: TEGUH, SAKSAMA DAN SEJAHTERA

PUTRAJAYA, 23 Julai 2025 – Ucapan “Penghargaan Untuk Rakyat Malaysia” YAB Perdana Menteri, Dato’ Seri Anwar Ibrahim, mencerminkan tekad kerajaan perpaduan untuk terus memelihara amanah dan kebajikan rakyat.

Ia adalah seruan penyatuan dan penghargaan terhadap semua yang menyumbang kepada pembangunan negara dari kampung hingga ke bandar, dari penjawat awam hingga ke petani. Ini bukti jelas betapa Malaysia MADANI bukan sekadar slogan, tetapi gerakan nasional yang kita jayakan bersama.

Perdana Menteri memberi penghormatan yang selayaknya kepada rakyat Malaysia yang menjadi tulang belakang kestabilan negara. Ucapan ini menyatukan semua pihak untuk terus fokus pada pembaharuan menyeluruh demi masa depan anak cucu kita.

Tegas pada dasar, jelas pada hala tuju. Perdana Menteri berjaya menanam keyakinan bahawa reformasi fiskal sedang berjalan atas landasan yang betul dengan sokongan rakyat sebagai nadi utama.

Alhamdulillah, dibawah Kerajaan MADANI kejayaan negara kini semakin kukuh dengan dengan KDNK suku pertama 2025 mencecah 4.4%, unjuran Q2: 4.5% ; Malaysia naik 11 anak tangga ke tangga ke-23 dalam Indeks Daya Saing Dunia 2025 dan ringgit mengukuh 5% (RM4.23/USD), antara 5 mata wang terbaik Asia. Kejayaan ini bukan hanya angka atas kertas kerana ianya membuka ruang luas kepada pelaburan, peluang kerja dan dasar sosial yang menyasarkan rakyat. Langkah-langkah yang

diumumkan juga membuktikan keberkesanan dasar MADANI dalam membela rakyat.

Sebagai anak Sarawak, saya melihat sendiri makna sebenar dasar menyeluruh. Kenaikan harga lantai padi, insentif getah, dan program akar umbi seperti Sejati MADANI menjawab keperluan rakyat luar bandar. Kampung Angkat MADANI diperluas ke 200 kampung dan sasaran 1,000 Sekolah Angkat MADANI menjelang akhir 2025 pastinya memberi manfaat kepada semua negeri. Begitu juga langkah memperluaskan Jualan Rahmah MADANI ke 600 DUN seluruh negara.

Selaku Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) saya menzahirkan penghargaan atas keberanian PETRA menyusun semula subsidi tenaga dan tarif elektrik:

- Mulai Julai, 85% rakyat bayar bil elektrik lebih rendah sehingga 14%
- Subsidi RON95 akan disasarkan – harga diturunkan kepada RM1.99/liter
- Penjimatan subsidi disalurkan semula kepada rakyat, bukan warga asing

Ini membuktikan bahawa reformasi tidak semestinya membebankan, malah ia memberi keadilan dan kelegaan kepada majoriti rakyat.

Sebagai Menteri Bertanggungjawab Terhadap Hal Ehwal Sabah Sarawak saya turut mengambut baik pengumuman Cuti Umum Tambahan pada 15 September 2025 sempena Hari Malaysia tahun ini.

Ayuh semua marilah kita bersatu hati, berganding tenaga, terus mendukung agenda MADANI yang memberi makna kepada kehidupan rakyat. Dari kampung ke bandar, dari Semenanjung ke Borneo, semua rakyat berhak menikmati kemajuan yang adil dan saksama.

YAB DATO 'SRI FADILLAH BIN HAJI YUSOF

**TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERALIHAN
TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

23 JULAI 2025